

08 OCT 1997

Mahathir-Pasaran

MALAYSIA CADANG PASARAN TERTENTU UNTUK PERDAGANGAN MATA WANG

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Malaysia, yang diberi tanggungjawab oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk menguruskan usaha mengadakan peraturan dalam perdagangan mata wang, akan mencadangkan supaya pasaran tertentu diwujudkan bagi perdagangan mata wang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penubuhan pasaran tertentu bagi perdagangan mata wang amat penting kerana kaedah yang digunakan sekarang tidak telus sehingga membolehkan perdagangan itu disalahguna untuk tujuan manipulasi dan spekulasi.

"Kita tahu semua trading (urus niaga) mempunyai pasaran tertentu. Kalau nak jual saham ada tempat, kalau nak jual komoditi ada tempat, kalau nak jual apa pun ada tempat dan peniaga-peniaganya mestilah didaftarkan.

"Tetapi kita dapati dalam bidang currency trading ini (urus niaga mata wang) tidak ada pasaran tertentu dan kita tak tahu siapa yang berniaga," katanya ketika ditanya pemberita di ruang legar Bangunan Parlimen, di sini.

Sejak kebelakangan ini, Dr Mahathir telah menyuarakan mengenai perlunya kawalan dan ketelusan dalam perdagangan mata wang kerana ketiadaan elemen itu telah menyebabkan mata wang negara-negara yang lemah begitu mudah diserang oleh manipulator dan spekulator untuk mendapatkan keuntungan.

Perdana Menteri berkata amanah yang diberikan oleh IMF dan Bank Dunia itu merupakan suntikan semangat baru kepada Malaysia dalam perjuangannya untuk memastikan perdagangan mata wang lebih telus dan tidak dimanipulasikan.

Katanya Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan telah diberi tanggungjawab untuk mengemukakan cadangan-cadangan itu termasuk peraturan yang difikirkan mampu membendung kegiatan manipulasi dan spekulasi dalam perdagangan mata wang.

"Satu daripada cadangannya, sudah tentu kita mesti ada pasaran tertentu yang mana peniaga dalam currency (mata wang) ini boleh daftar diri dan dia dapat kerusi nombor sekian-sekian. Dia nak berniaga dia pergi berniaga di situ dan kita tahu siapa yang berniaga, duit datang daripada mana, banyak mana credit (pinjaman) yang dia dapat dari bank.

"Semua ini patut kita tahu barulah kita boleh berniaga. Ini kita berniaga dengan orang yang kita tak tahu, hilang begitu, lesap macam hantu, payahlah," katanya ketika diminta menghuraikan bentuk pasaran tertentu yang akan Malaysia cadangkan itu.

Katanya hakikat bahawa perdagangan mata wang yang diamalkan sekarang terselindung sepenuhnya, memang diakui oleh pedagang mata wang sendiri.

"Bahkan hari ini kalau kita baca dalam Business Times seorang daripada currency traders (pedagang mata wang) dengan bangga berkata kami (peniaga mata wang) tidak boleh dijumpa (tidak boleh dikesan) di mana-mana kerana kami bertindak secara yang tersembunyi," katanya.

Perdana Menteri berkata pengakuan pedagang mata wang itu jelas bercanggah dengan apa yang dinyatakan oleh pemiaya kewangan antarabangsa, George Soros, yang kononnya berjuang untuk memastikan matlamat "masyarakat terbuka" tercapai.

Dr Mahathir berkata jika benar perjuangan Soros ialah untuk melihat "masyarakat terbuka", pemiaya kewangan antarabangsa yang berpangkalan di Amerika Syarikat itu tidak sepatutnya melibatkan diri dalam perdagangan mata wang yang begitu terselindung.

"Tapi apa jenis perniagaan ini yang tersembunyi sedangkan kita dengar Soros kata dia berjuang untuk open society, masyarakat yang terbuka, tetapi

dia sendiri melibatkan diri dalam satu jenis perniagaan yang tersembunyi, completely hidden (tersembunyi langsung).

"Tak boleh orang tengok, tak boleh orang tahu siapa. Jadi nampak ada double standardlah. Untuk orang lain mesti buka, untuk dia (Soros) mesti tutup," katanya. -- BERNAMA

AH MAI